



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI  
BANDARAYA PELANCONGAN  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta **berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga serta beralamat di Negeri Kedah dan memiliki Sijil Pematuhan Percukaian (TCC) yang berstatus patuh** sahaja dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :

NO. TAWARAN	TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK
MPLBP / SBT / 21 / 2026	MENAIKTARAF LAMPU JALAN LED DI JALAN CHANDEK KURA DAN TEMONYONG, MK KEDAWANG, MP LANGKAWI	<p>GRED : G2 @ G3</p> <p>Kategori : ME</p> <p>Pengkhususan : E04 &amp; E16</p> <p><i>Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga</i></p>	<p>TARIKH : 22 APRIL 2026 (RABU)</p> <p>MASA : 10.30 PAGI</p> <p>TEMPAT : Tapak Parkir MPLBP (Dataran Lang)</p>
MPLBP / SBT / 22 / 2026	MENAIKTARAF PENCAHAYAAN LAMPU LIMPAH DI TAPAK PARKIR JETI KUAH DAN LAMAN JATI, MK KUAH, MP LANGKAWI	<p>GRED : G2 @ G3</p> <p>Kategori : ME</p> <p>Pengkhususan : E04 &amp; E06</p> <p><i>Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga</i></p>	<p>(Pendaftaran dibuka pada jam 10.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja)</p> <p>TARIKH TUTUP : 29 APRIL 2026 (RABU)</p>

2. Borang Sebutharga boleh didapati dari Jabatan Penbendaharaan (Kaunter Hasil) Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Kuah, Langkawi dengan harga **RM 50.00 mulai 22 APRIL 2026 hingga 29 APRIL 2026.**
3. Borang Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah sahaja berdasarkan kepada surat pendaftaran asal yang dikemukakan.
4. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR ELEKTRIK (ST) serta SIJIL TARAF BUMIPUTERA UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA** dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **TAPAK PARKIR MPLBP (DATARAN LANG)** pada **22 APRIL 2026 JAM 10.00 PAGI** bagi menghadiri taklimat lawatan tapak. **HANYA PEMEGANG LESEN YANG SAH dan BERDAFTAR DENGAN MPLBP SAHAJA** berhak hadir dalam lawatan tapak, **WAKIL TIDAK DIBENARKAN.**
5. Semua Borang Sebutharga mestilah dikemukakan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Surat di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor sebutharga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
6. Sebutharga ini akan ditutup pada **29 APRIL 2026, JAM 12.00 TENGAHARI.** Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA'**  
**"THE GREATER KEDAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD HAMRI BIN ABIDIN, AMK., BCK)**  
Yang Dipertua  
MPLBP